

NO SOALAN : 43

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN
(KELANA JAYA)

TARIKH : 17.11.2015
(SELASA)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan perbelanjaan untuk tentera laut negara. Adakah perbelanjaan ini satu respons terhadap kehadiran pulau-pulau baru negara China di Laut China Selatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) menerima peruntukan sebanyak RM2.63 billion di bawah Belanja Mengurus Tahun 2015. Peruntukan ini bukan merupakan respons terhadap perkembangan geo-strategi di Laut China Selatan. Ianya lebih kepada perbelanjaan yang dirancang bagi pembayaran emolumen, kos pentadbiran, kesiagaan dan operasi TLDM sedia ada.